

06 OCT 1999

Abu Zahar-Keluarga

IBU BAPA JANGAN PANDANG REMEH GEJALA SOSIAL

MELAKA, 6 Okt (Bernama) -- Ibu bapa diingatkan agar tidak memandang remeh terhadap gejala sosial yang melanda sekarang terutama yang melibatkan golongan remaja.

Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin berkata keruntuhan akhlak berpunca daripada keruntuhan institusi keluarga apabila ibu bapa gagal menjadi contoh terbaik kepada anak-anak mereka.

"Kelemahan sesuatu institusi keluarga akan membawa keruntuhan yang menyebabkan anak-anak mencari haluan sendiri," katanya ketika berucap merasmikan kursus memandikan mayat wanita peringkat negeri di sini hari ini.

Beliau berkata masalah keruntuhan akhlak banyak berlaku melibatkan golongan pelajar sehingga membabitkan pelanggaran disiplin seperti memeras ugut, merosakkan harta benda awam dan penagihan dadah.

"Terdapat juga kes juvana yang membabitkan gadis remaja hilang dari rumah dan sebahagian besarnya disebabkan oleh masalah keluarga," katanya.

Katanya gejala mementingkan kebendaan dan keduniaan menjadi punca utama yang menyumbang kepada keruntuhan moral remaja dan ibu bapa yang kurang berpendidikan agama seringkali tidak mementingkan nilai-nilai murni yang perlu ada pada anak-anak mereka.

Ketika bercakap kepada pemberita kemudian, Abu Zahar memberi amaran kepada pemimpin parti pembangkang supaya tidak menabur fitnah ketika berceramah jika tidak mahu dikenakan tindakan.

"Jika mereka berceramah tentang dasar perjuangan parti mereka tidak mengapa tetapi jangan menghasut dan menabur fitnah sehingga menaikkan semangat rakyat untuk membenci kerajaan," katanya.

Abu Zahar juga diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kerajaan sedang menimbang untuk mengenakan tindakan undang-undang terhadap peguam Karpal Singh kerana membuat dakwaan yang membayangkan kerajaan cuba meracun bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Ini adalah amaran supaya mereka tidak mempolitikkan mahkamah," katanya.

Abu Zahar berkata, Malaysia mempunyai sistem perundangan dan oleh itu tidak wajar bagi seseorang warganegara mengambil mudah untuk menuduh kerajaan melakukan sesuatu perkara yang buruk.

-- BERNAMA

MYD AKD